

INTERCHANGE

KE ARAH MASYARAKAT YANG BERGERAK MAJU



JANUARI-JUN

2018

PP19210/07/2017(034750)




MENUJU BAWAH TANAH


PEMBUKAAN PUSAT INFORMASI MRT YANG BARU ● 10
GRADUAN MYEP II MENERIMA KONTRAK MRT LALUAN SSP ● 12


PENGARANG



Dato' Najmuddin Abdullah


PENULIS



Leong Shen-Li


Ean Yaacob



Wallace Soh Chun Hwei



Khairul Azlee



Nik Haizan



Nur Amalina



Rizal Redzuan


Ezreen Siti Juliana



Suzy Kubong



Fakhrurrazi


Puteri Nur Atika Dayana


Mia Haziqah

FOTOGRAFI


Johan


Wan Aznoor


Hazwan

PENERBIT & REKA BENTUK

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd
Tingkat 5, Menara I & P 1, No. 46, Jalan Dungun
Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur

PENCETAK

CETAK JITU SDN BHD (574632-M)
11, Jalan 24/56 Kawasan J, Keramat Wangsa
54200 Kuala Lumpur

PUSAT INFORMASI MRT

PUSAT INFORMASI MRT BANDAR MALAYSIA UTARA
Tapak pembinaan MRT Bandar Malaysia Utara
Lot 256, Lebuhraya KL-Seremban
50461 Kuala Lumpur

PUSAT INFORMASI MRT SERI KEMBANGAN
D-11-G, Jalan Atmosphere 7
Pusat Perniagaan The Atmosphere
43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan

Isnin - Jumaat: **9:00pagi - 6:00petang**

Hari Minggu & Cuti Umum: **TUTUP**

IBU PEJABAT KORPORAT MRT

MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (902884-V)
Tingkat 5, Menara I & P1, No. 46, Jalan Dungun
Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur

Kami mengalu-alukan pertanyaan dan cadangan anda.
Sila hantar ke **feedback@mymrt.com.my**
TALIAN BANTUAN 24 JAM

1800 82 6868


MRTMALAYSIA

www.mymrt.com.my

DALAM ISU INI

RENCANA

04 MENUJU BAWAH TANAH
06 STESEN MRT LALUAN SUNGAI BULOH-SERDANG-PUTRAJAYA (SSP)
07 TREN MRT LALUAN SUNGAI BULOH-SERDANG-PUTRAJAYA (SSP)
08 KEMUDAHAN CANGGIH BOMBA DAN PENYELAMAT BAGI PROJEK MRT
09 MRT CORP MEMBINA TAMAN REKREASI UNTUK PENDUDUK KAMPUNG SELAMAT
JEJANTAS KE CHERAS LEISURE MALL DIBUKA
10 PUSAT INFORMASI TERBARU PROJEK MRT DI BANDAR MALAYSIA UTARA
KEMPEN MELAWAT HAB INFORMASI MRT 2018
11 PARA PELAJAR UNIVERSITY OF READING MELAWAT PROJEK MRT
SESI PERKONGSIAN ILMU BERSAMA PROLINTAS
12 GRADUAN MYEP II MENERIMA KONTRAK MRT LALUAN SSP
13 DELEGASI TRX CITY MELAWAT DEPOH MRT
MCMC MEMERIKSA STESEN MRT BAWAH TANAH DAN TEROWONG
14 MEMPERKENALKAN PROJEK MRT KEPADA BAKAL PENGGUNA
IFTAR BERSAMA PEKERJA MRT DI KUARTERS PEKERJA MRT
15 PENUMPUAN KEPADA PENCEGAHAN INSIDEN

KEMAJUAN PROJEK

16 MRT LALUAN SUNGAI BULOH-SERDANG-PUTRAJAYA (SSP)

RENCANA

18 SEMINAR JKR TENTANG PROJEK MRT LEMBAH KLANG

PERISTIWA

19



TAHUKAH ANDA?
Tukup cerucuk adalah papak yang mengikat beberapa cerucuk gerek untuk menyokong sesebuah tiang.

Kerja-kerja tukup cerucuk merupakan peringkat kedua dalam pembinaan tiang. Tiga jenis mesin yang digunakan pada peringkat ini dalam pembinaan tiang iaitu penggali, penggali lengan panjang dan tukul cerucuk.

TALIAN BANTUAN: +603-7885 2585
Emel: suggest@myrapidkl.com.my
Laman Sesawang: www.myrapid.com.my
Facebook: Myrapid
Twitter: @askrapidkl | @myrapidkl
Instagram: @myrapidkl

PERMULAAN BARU





HAMPIR setahun telah berlalu sejak kami melancarkan keseluruhan perkhidmatan MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK), perkhidmatan pertama MRT di Malaysia pada 17 Julai 2017. Sejak itu, ramai rakyat Malaysia yang telah mendapat manfaat daripada sistem rel termoden di negara ini.

Saya gembira menyatakan bahawa bilangan pengguna telah meningkat, membuktikan rakyat Malaysia sudah bersedia untuk tidak memandu kereta dan menggunakan pengangkutan awam apabila laluan itu berguna kepada mereka. Saya yakin bilangan ini akan terus meningkat memandangkan lebih banyak pembangunan sedang dijalankan di sepanjang jajaran dan lebih banyak laluan akan dibuka di masa hadapan.

Selepas siapnya laluan pertama MRT tepat pada masanya dan dalam bajet yang ditetapkan, kami kini menumpukan perhatian kepada MRT laluan kedua, MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP). Pembinaan jajaran sepanjang 52.2km itu sedang dijalankan seperti yang dijadualkan untuk memulakan fasa pertama operasi pada suku kedua 2021, dengan keseluruhan jajaran akan siap pada suku kedua 2022.

Kemajuan projek pada akhir bulan Jun 2018 ialah 30% siap. Edisi Interchange sebelum ini telah merungkaikan tentang persediaan untuk mengorek terowong dan ciri-ciri teknologi terkini mesin pengorek terowong (TBM).

Dalam edisi ini, kami gembira kerana dapat melaporkan bahawa kerja-kerja terowong sudah bermula dan berjalan lancar. Mesin pengorek terowong yang pertama daripada dua belas mesin yang akan digunakan telah dilancarkan di Syaf Pelancaran Bandar Malaysia Utara pada 1 Mac 2018. Majlis pelancaran tersebut menandakan permulaan rasmi kerja-kerja terowong bawah tanah bagi Laluan SSP.

Dengan itu, pasukan terowong akan bertungkus lumus untuk mengorek terowong sepanjang 13.5km jajaran bawah tanah, dan menyiapkan 11 stesen bawah tanah bagi Laluan SSP. Anda boleh membaca tentang cabaran getir yang dihadapi oleh pasukan kerja-kerja bawah tanah di dalam edisi ini.

Para pembaca juga berpeluang mengetahui tentang pelbagai aktiviti yang telah disertai oleh MRT Corp untuk mendekati orang ramai. Usaha ini adalah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang pembinaan Laluan SSP, agar mereka lebih memahami akan apa yang akan berlaku semasa pembinaan, dan manfaat yang akan diperolehi daripada jajaran yang telah siap.

Selain daripada itu, pihak MRT Corp ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia yang baharu. Kemenangan kerajaan Pakatan Harapan dalam Pilihanraya Umum ke 14 telah membuktikan kekuatan demokrasi di negara kita.

MRT Corp juga memahami dan mengalu-alukan keputusan Kerajaan untuk mengkaji semula projek infrastruktur negara dalam usaha pengurangan kos.

Oleh itu, pihak MRT Corp bersedia untuk bekerjasama dengan pihak Kerajaan dalam memastikan perbelanjaan ke atas infrastruktur adalah mampan dan tidak membebankan rakyat. Pada waktu yang sama, MRT Corp berharap bahawa kepentingan dan manfaat infrastruktur yang baik, termasuk sistem MRT yang moden, diperakui dan tidak dipandang remeh.

MRT Corp akan sentiasa bekerjasama dengan pihak Kerajaan untuk memenuhi kewajiban dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat sentiasa diutamakan.

Terima kasih.

DATO' SRI SHAHRIL MOKHTAR

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD

MENUJU BAWAH TANAH

SEPERTIMANA MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK), jajaran tengah MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) yang bakal memberi perkhidmatan di pusat perniagaan Kuala Lumpur merupakan jajaran bawah tanah.

Jajaran sepanjang 13.5km dari utara Jalan Ipoh hingga ke selatan Danau Desa akan melintasi kawasan yang sibuk seperti Titiwangsa, Hospital Kuala Lumpur, Kampung Baru, KLCC, Conlay, Imbi dan Chan Sow Lin, dengan 11 buah stesen bawah tanah yang akan menyediakan perkhidmatan di kawasan-kawasan tersebut dan yang berdekatan.

Sebagaimana Laluan SBK, mesin pengorek terowong (TBM) juga akan digunakan untuk kerja-kerja mengorek terowong. Sebanyak 12 mesin TBM akan digunakan untuk mengorek dua terowong selari – satu bagi tren haluan utara dan satu bagi tren haluan selatan – untuk keseluruhan jajaran bawah tanah.

Terowong-terowong tersebut akan berada di bawah jalan utama seperti Jalan Sultan Azlan Shah, Jalan Tun Razak, Jalan Raja Muda Abdul Aziz, Persiaran KLCC, Jalan Chan Sow Lin dan Jalan Sungai Besi.

TBM akan disusun secara berpasangan untuk menggali terowong selari bagi bahagian jajaran yang ditetapkan. Setiap bahagian terowong bermula dari syaf pelancaran – di mana TBM dipasang dan kemudian dilancarkan menandakan permulaan kerja mengorek terowong – hingga ke syaf keluar, di mana TBM akan dileraikan dan dikeluarkan setelah selesai kerja yang ditetapkan.

Jajaran bawah tanah Laluan SSP telah dibahagikan kepada lapan bahagian.

Penentuan syaf pelancaran dan keluar, panjang setiap bahagian dan jadual bagi setiap bahagian yang digali adalah proses yang sangat rumit, dan dipanggil strategi terowongan.

Antara faktor yang dipertimbangkan dalam pemilihan syaf termasuklah jangka masa yang diambil untuk syaf digali, lokasi, sama ada ruang mencukupi bagi TBM untuk dipasang dan sama ada ruang di permukaan mencukupi untuk menempatkan kemudahan sokongan TBM.

Kebanyakan syaf pelancaran dan keluar terletak di lokasi stesen-stesen bawah tanah. Namun begitu, terdapat juga syaf yang dijadikan syaf kecemasan, portal dan ada juga yang ditimbus semula selepas digunakan.

TBM yang pertama bagi Laluan SSP telah dilancarkan pada 1 Mac 2018 di syaf pelancaran Bandar Malaysia Utara. Diberikan kod nama S776, TBM tersebut disertai 'pasangannya' S777 yang telah dilancarkan sebulan kemudian. Kedua-duanya menggali ke arah Chan Sow Lin dan kemudiannya ke Stesen Tun Razak Exchange di mana kedua-dua TBM tersebut akan tamat kerja pengorekan dan dileraikan.





Dalam enam hingga 12 bulan akan datang, TBM lain akan dilancarkan dari syaf Titiwangsa, Kotak Penyilangan Hospital Kuala Lumpur, syaf Conlay dan syaf Bandar Malaysia Utara.

Selain daripada Stesen Tun Razak Exchange di mana TBM S776 dan S777 akan tamat kerja mengorek terowong, lokasi lain di mana TBM akan keluar semula adalah di Syaf Kecemasan 1 di Jalan Ipoh, Kotak Penyilangan Hospital Kuala Lumpur (yang juga merupakan syaf pelancaran), Ampang Park dan portal selatan Danau Desa.

Walaupun TBM yang digunakan bagi kerja mengorek terowong merupakan mesin yang amat canggih, kerja mengorek terowong bukanlah suatu kerja yang mudah untuk dilakukan di bawah tanah Kuala Lumpur. Keadaan geologi bawah tanah menjadikan bandar raya ini salah satu lokasi yang paling mencabar untuk kerja menggali terowong.

TBM tersebut perlu melalui pembentukan geologi yang berlainan – batu kapur, Kenny Hill dan granit – setiap satunya dengan ketumpatan yang berbeza.

Kerja mengorek terowong merupakan kerja berisiko tinggi di kawasan berisiko tinggi, kerana kawasan permukaan sangat padat dengan penduduk, ditambah pula dengan bangunan tinggi dan jalan yang sibuk.

Pelbagai langkah awal telah diambil untuk menangani cabaran-cabaran seperti yang dinyatakan. Salah satu langkah adalah menerusi penggunaan Mesin Pengorek Terowong Pembolehubah Ketumpatan yang telah direka khas untuk mengendalikan kerja-kerja mengorek terowong melalui struktur karstik yang disebabkan pembentukan batu kapur.

Sebahagian besar daripada jajaran bawah tanah Laluan SSP melalui pembentukan batu kapur, seperti di Titiwangsa, Hospital Kuala Lumpur, Jalan Tun Razak, Chan Sow Lin dan Bandar Malaysia.


Mesin TBM Pembolehubah Ketumpatan telah digunakan bagi Laluan SBK, dan terbukti berjaya mengurangkan insiden seperti mendapan tanah dan semburan keluar.

Kerja pemeriksaan tanah yang menyeluruh telah dijalankan agar data berkenaan keadaan tanah diperolehi, tepat. Bergantung kepada keperluan, kerja penambahbaikan tanah seperti penurapan telah dijalankan.

Pemantauan berterusan dilakukan semasa kerja-kerja terowong dijalankan sama ada bawah tanah mahupun di kawasan permukaan. Satu kumpulan yang dikenali sebagai 'bull gang' ditugaskan di permukaan tanah di atas lokasi TBM sedang mengorek terowong untuk memerhatikan keadaan tanah dan memberi amaran kecemasan sekiranya terdapat walaupun sedikit tanda pergerakan tanah yang luar biasa.

Bangunan bersebelahan juga dilengkapi dengan sensor dan penanda dan bacaan akan dipantau dengan teliti.

Pengalaman yang diperolehi dan dipelajari daripada projek lepas digabungkan dengan penggunaan peralatan dan jentera moden membolehkan pembinaan jajaran bawah tanah Laluan SSP berjalan dengan lancar, efisien dan selamat.



STESEN MRT LALUAN SUNGAI BULOH-SERDANG-PUTRAJAYA (SSP)

STESEN BERTINGKAT

REKA BENTUK stesen bertingkat untuk MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) adalah berpandukan konsep 'Serambi'.

Konsep ini menumpukan kepada inspirasi interaksi kawasan pintu masuk rumah dan ruang legar, seperti di kawasan pintu masuk rumah kampung ataupun rumah panjang.

Reka bentuk ini adalah mudah dan tidak lapuk dek zaman; yang diperolehi daripada pelbagai konsep reka bentuk termasuk konsep 'Zen' yang berasal dari Jepun.


> "KONSEP INI FOKUS KEPADA INSPIRASI INTERAKSI RUANG LEGAR"

Aspek lain termasuklah ruang yang terbuka, pencahayaan dan pengudaraan semulajadi, kesan visual semulajadi dari penggunaan pencahayaan dan bayang-bayang.

Berbanding reka bentuk stesen bertingkat MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK), tiang-tiang dianjak ke bahagian tepi stesen, menjadikan stesen lebih terbuka dan berangin.



















STESEN BAWAH TANAH

SETIAP stesen bawah tanah MRT Laluan SSP akan mempunyai tema yang tersendiri.

Cadangan reka bentuk terdiri daripada pemeliharaan pendesaan, memaparkan irama ombak, menggalakkan kesejahteraan, bersemangat, kehidupan, kebudayaan, pengacuan bentuk, diinspirasikan oleh alam semulajadi untuk menyelaraskan aliran.



TREN MRT LALUAN SUNGAI BULOH-SERDANG-PUTRAJAYA (SSP)

TREN yang akan digunakan untuk MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) akan dibekalkan oleh HAP Consortium. Konsortium ini terdiri daripada Hyundai Rotem dari Korea Selatan, APEX Communications Sdn Bhd dan POSCO Engineering Co Ltd, yang juga dari Korea Selatan.

Sejumlah 58 set tren dengan empat gerabak setiap set akan digunakan untuk Laluan SSP.

Kapasiti muatan maksimum tren ialah 1,204 penumpang setiap tren. Seperti MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK), tren Laluan SSP akan mempunyai empat gerabak. Kekerapan tren pada waktu kemuncak ialah 3.5 minit.

Menggunakan teknologi moden, tren ini adalah tanpa pemandu. Pergerakan tren ini akan dikawal selia di Pusat Kawalan Operasi yang terletak di Depoh MRT Sungai Buloh.

 58 TREN ELEKTRIK


 4 GERABAK

 1204 PENUMPANG

 100KM SEJAM







LUARAN

- Reka bentuk luaran tren mengambil kira rupa keseluruhan tren ketika memasuki stesen dan sepanjang platform.
- Penggunaan warna menekankan ekspresi kukuh ciri reka bentuk hadapan.
- Reka bentuk hadapan diperbuat daripada struktur bentuk yang kukuh, menggambarkan ketepatan, keselamatan dan keyakinan.

DALAMAN

- Kawasan laluan dalaman tren adalah luas dan terbuka untuk peredaran yang bebas dan memberikan sensasi kawasan tanpa gangguan penumpang di dalam tren.
- Susur tangan dan pemegang tangan terletak di tempat yang mudah dicapai dan selesa untuk semua penumpang.
- Kerusi adalah dalam variasi warna biru yang membayangkan persekitaran Tasik Putrajaya.
- Skrin adalah jelas dan mudah, untuk perlindungan optima para penumpang dan kacanya sedikit berwarna memberikan perbezaan kepada corak yang jelas dan halus pembuatannya.
- Corak bumbung menggunakan kesan grafik yang halus iaitu pusam dan berkilat.
- Tiang dan susur pemegang menggunakan warna yang berlawanan namun bersesuaian untuk memberikan penampakan yang jelas dan ketara.



KEMUDAHAN CANGGIH BOMBA DAN PENYELAMAT BAGI PROJEK MRT

RISIKO tinggi dalam pembinaan bawah tanah telah mendorong kontraktor bahagian bawah tanah Projek MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) untuk memperolehi beberapa perkakasan dan jentera yang tercanggih untuk menghadapi kebakaran dan menjalankan operasi menyelamat.

Pengarah Projek MMC-Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd (MGKT) Encik Satpal Bhogal berkata bahawa syarikatnya memberikan perhatian yang tinggi kepada keselamatan dan kemampuan mereka dalam mengendalikan sebarang kemalangan, sama ada berlaku di bawah tanah mahupun di permukaan tanah.

Katanya, jenis kemalangan telah dikenalpasti menerusi pelaksanaan penilaian risiko dan MGKT telah mengambil langkah awal dalam mendapatkan peralatan yang diperlukan dan orang yang terlatih untuk menangani kemalangan tersebut.

Ketua Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar MGKT, Encik Christopher Felton menjelaskan MGKT mempunyai 40 Pasukan Tindak Balas Kecemasan sepenuh masa yang bertugas 24 jam tujuh hari seminggu. Mereka sentiasa di dalam keadaan siap sedia untuk sebarang kecemasan yang mungkin berlaku.

"Kru dan peralatan ditempatkan di Chan Sow Lin dan Titiwangsa di mana mereka boleh bertindak dalam masa 10 minit jika berlakunya kemalangan sepanjang jajaran bawah tanah Laluan SSP," kata Christopher.

Beliau berkata peralatan yang digunakan agak berbeza daripada Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat dan agensi kecemasan yang lain kerana ianya khusus bagi kemalangan yang berlaku bawah tanah dan kawasan tertutup.

Antara peralatan khas yang digunakan untuk senario kecemasan bawah tanah adalah penggunaan tekang. Fungsi utama tekang ialah untuk membuka kenderaan seperti tren, lokomotif dan kren. Selain daripada itu, ram hidraulik juga digunakan untuk membuka ruang di bawah tanah.

Kamera pengimejan termal juga digunakan apabila berlakunya kebakaran membolehkan penglihatan yang lebih jelas bagi anggota bomba sewaktu melalui kawasan kebakaran yang dipenuhi asap, gelap atau halangan haba yang mudah telap.

Dalam memperlihatkan kebolehan pasukan keselamatan tersebut, sebuah latihan bomba dan penyelamat telah dianjurkan pada 23 April 2018 di tapak Stesen MRT Bandar Malaysia Utara. Pihak media turut hadir untuk menyaksikan latihan tersebut.

Latihan keselamatan tersebut memperlihatkan demonstrasi operasi penyelamat berikutan kemalangan lalu lintas yang serius melibatkan dua kenderaan dan beberapa orang mangsa terperangkap di dalamnya.

Setibanya di 'tempat kejadian', pasukan pertama telah menutup kawasan kemalangan dari orang ramai. Mereka kemudiannya mengambil langkah untuk memastikan situasi terkawal dan selamat sebelum menjalankan operasi menyelamat mangsa.

Dengan menggunakan pemotong dan gergaji, pasukan penyelamat berjaya mengeluarkan seorang 'mangsa' dengan memotong bumbung kereta manakala seorang lagi 'mangsa' berjaya dikeluarkan selepas cermin hadapan kereta dipecahkan.

Dalam menjadikan latihan menyelamat tersebut lebih realisitik, terdapat bunyi letupan dan kepulan asap di tempat kejadian tersebut.

Latihan ini merupakan satu kejayaan bagi pasukan penyelamat tersebut kerana berjaya melepaskan 'mangsa' daripada kereta dengan selamat dalam masa 20 minit.



SYABAS: Pasukan Tindak Balas Kecemasan beraksi untuk gambar berkumpulan setelah latihan itu berjaya.



LAWATAN TAMAN: Najmuddin (kiri) mengetuai lawatan sekitar tapak rekreasi Taman Linear, Kampung Selamat.

MRT CORP MEMBINA TAMAN REKREASI UNTUK PENDUDUK KAMPUNG SELAMAT

MASS Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah membina sebuah taman rekreasi berhampiran Stesen MRT Kampung Selamat dengan harapan ia menjadi kawasan rekreasi bagi penduduk Kampung Selamat dan kawasan lain di sekitarnya.

Dinamakan Taman Linear Kampung Selamat, taman seluas 600meter persegi ini terletak di tanah rizab milik Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) yang digunakan sebagai tapak pembinaan MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK).

Inisiatif ini adalah sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat MRT Corp dan hasil usaha kerjasama oleh SYABAS, Eco Collaboration Sdn Bhd sebagai juru runding taman, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan MRT Corp.

Upacara ringkas menandakan penyerahan taman kepada MBPJ telah diadakan pada 27 Januari 2018. Dengan penyerahan tersebut, MBPJ secara rasmi menjadi pemilik taman.

Di antara individu-individu yang menghadiri majlis tersebut ialah Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Pihak Berkepentingan MRT Corp Dato' Najmuddin Abdullah, Timbalan Pengarah Projek MMC-Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd MRT Laluan SBK Encik Maslan Othman, Ketua Lanskap MBPJ Puan Zuraidah Sainan, Timbalan Ketua Operasi Pengagihan SYABAS Encik Yusof Saroji dan Pengarah Eco Design Collaboration Sdn Bhd Encik Fatthullah Mohd Nor dan para penduduk Kampung Selamat.

Bercakap di majlis tersebut, wakil dari Kampung Selamat Encik Ramli Yahya berkata beliau berharap taman tersebut akan memberi manfaat kepada mereka yang tinggal di kawasan itu.

"Inisiatif yang ditawarkan MRT Corp kepada komuniti kami adalah tidak ternilai dan taman ini bukan sekadar untuk mereka bersenam, tetapi juga sebagai jalan penghubung untuk ke stesen."



JEJANTAS KE CHERAS LEISURE MALL DIBUKA

JEJANTAS pejalan kaki antara Stesen MRT Taman Mutiara, sebuah stesen MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK), dan Cheras Leisure Mall telah dibina untuk menyediakan akses mudah antara stesen dan bangunan komersial tersebut.

Pembukaan jejantas sepanjang 65m tersebut telah diraikan dalam sebuah majlis pada hari Jumaat, 26 Januari 2018.

Jejantas itu dirasmikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan PPB Encik Lim Soon Huat dan Ketua Pegawai Operasi Encik Chew Hwei Yeow. Kumpulan PPB merupakan pemilik pusat membeli-belah tersebut.

Mewakili Rapid Rail Sdn Bhd pada majlis itu ialah Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Tuan Haji Muhammad Isom Azis, manakala Pengurus Besar Komunikasi Strategik dan Perhubungan Pihak Berkepentingan Encik Leong Shen-Li mewakili Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd.

Turut menghadiri majlis tersebut ialah selebriti Puan Amber Chia dan Cik Nina Kho, DJ radio Encik Liang Kim Loong dan personaliti media sosial Baby Akiyo.

Semasa majlis itu, Kumpulan PPB telah merasmikan bahagian terbaru di pusat membeli-belah tersebut yang menawarkan makanan dan minuman serta kedai lain.

Jejantas tersebut menghubungkan Pintu B dari Stesen Taman Mutiara. Ia dilengkapi penghawa dingin dan direka untuk akses menyeluruh.



PUSAT INFORMASI TERBAHARU PROJEK MRT DI BANDAR MALAYSIA UTARA

SEBUAH pusat informasi bagi Projek MRT yang terletak di tapak kerja Bandar Malaysia Utara telah dibuka, bertujuan untuk memberi informasi dan maklumat mengenai kerja-kerja bawah tanah projek MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP).

Pusat informasi yang bersebelahan dengan Stesen Bandar Malaysia Utara dan Tapak Syaf Pelancaran merupakan pusat maklumat yang ketiga dibuka oleh Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp). Dua lagi terletak di Jalan Sultan Azlan Shah dan Seri Kembangan.

Pusat informasi ini dibuka secara rasmi pada 1 Mac 2018 sewaktu majlis pelancaran rasmi kerja-kerja mengorek bawah tanah bagi Laluan SSP. Ianya dibina untuk mendidik orang ramai tentang Projek MRT.

Pusat informasi tersebut akan digunakan oleh MRT Corp dan juga kontraktor kerja bawah tanah bagi Laluan SSP MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd (MGKT) yang juga merupakan pengendali pusat informasi tersebut untuk menjalankan aktiviti seperti perkongsian maklumat bersama pihak berkepentingan untuk meningkatkan kesedaran dan pendedahan terhadap projek.

Antara pelawat yang kerap mengunjung ke pusat informasi ini sejak pembukaannya adalah pelajar universiti dan pegawai kerajaan.

Selain daripada maklumat mengenai kerja bawah tanah Laluan SSP, pusat informasi tersebut juga mempunyai model skala Mesin Pengorek Terowong (TBM) yang digunakan untuk menggali terowong bawah tanah.

Papan informasi di pusat informasi tersebut memaparkan maklumat mengenai keadaan geologi bawah tanah yang berbeza, di mana TBM diperlukan untuk kerja-kerja mengorek.

Seperti pusat informasi yang lain, aplikasi 'Hawkeye' juga disediakan untuk mempamerkan jajaran Laluan SSP kepada pengunjung.

Pusat informasi ini dibuka kepada orang awam namun para pengunjung haruslah membuat temu janji terlebih dahulu. Hubungi 03-2385 8000 atau e-mel ke sherina@kvmrt-ug.com.my untuk membuat temu janji.



MESIN: Sebuah model skala TBM iaitu mesin yang digunakan untuk kerja-kerja penggalian terowong dipamerkan di dalam Pusat Informasi MRT Bandar Malaysia Utara.

KEMPEN MELAWAT HAB INFORMASI MRT 2018

SEBUAH kempen mempromosi hab informasi Projek MRT telah diadakan pada awal tahun ini di mana para pengunjung berpeluang memenangi Kalendar dan Buku Nota MRT 2018.

Objektif kempen yang diadakan dari 15 hingga 25 Januari 2018 adalah untuk menggalakkan orang ramai melawat hab informasi Projek MRT di samping mempertingkatkan keterlihatan hab informasi ini. Hab informasi disediakan untuk menyampaikan maklumat tentang MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) dengan lebih lanjut kepada orang ramai.

Hab informasi yang diwujudkan oleh Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) termasuklah dua Pusat Informasi MRT (MIC) di Jalan Sultan Azlan Shah (dahulunya dikenali sebagai Jalan Ipoh) dan Seri Kembangan, sebuah Kios Informasi MRT (MIK) dan Trak Informasi MRT (MIT).


MIK ialah sebuah kios mudah alih dilengkapi dengan informasi tentang Projek MRT yang dibuka di pusat membeli-belah, pejabat Kerajaan, hab dan stesen pengangkutan awam. Kios ini dibuka di lokasi tertentu selama dua bulan sebelum dipindahkan ke lokasi baru.

MIT pula ialah trak informasi mudah alih yang dipandu di sepanjang jajaran Laluan SSP dan lokasi trak berubah setiap hari. Informasi secara langsung berkenaan lokasi MIT boleh didapati di laman web MRT Corp.

Sepanjang kempen tersebut, lima soalan tentang Laluan SSP telah diberikan kepada para pengunjung. Jawapan kepada soalan tersebut boleh didapati di dalam dan sekitar hab informasi seperti papan informasi, majalah MRT dan risalah informasi projek Laluan SSP.

Para peserta berpeluang memenangi Kalendar dan Buku Nota MRT 2018 dengan menjawab soalan dengan betul.

"Sudah tentu ini merupakan inisiatif terbaik dari MRT Corp untuk membantu mempertingkatkan kesedaran dalam mempromosikan Laluan SSP. Saya betul-betul tidak sabar menantikan keseluruhan perkhidmatan ini beroperasi pada tahun 2022 dan saya percaya bahawa perkhidmatan ini akan terbukti bermanfaat kepada lebih ramai pengguna melihat kepada jumlah mereka yang menggunakan laluan MRT yang pertama," kata Encik Mohd Aiman, salah seorang pemenang kempen.



WAJAH GEMBIRA: Encik Mohd Aiman (kiri) dan Encik Nazreen Emir (kanan) bergambar dengan hadiah yang telah dimenangi di MIK Stesen MRT Bukit Bintang.

PARA PELAJAR UNIVERSITY OF READING MELAWAT PROJEK MRT



PROJEK MRT Lembah Klang telah menarik minat seramai 34 pelajar dari University of Reading (Kampus Malaysia) untuk melawat Pusat Informasi MRT di Jalan Sultan Azlan Shah.

Mereka merupakan pelajar Sarjana Muda Sains dalam bidang Ukur Bahan. Lawatan yang berlangsung pada 13 Mac 2018 tersebut adalah sebahagian daripada lawatan sambil belajar ke Lembah Klang untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP), terutamanya berkenaan kejuruteraan digital yang digunakan dalam projek itu.

Pengurus Kanan Perancangan dan Reka Bentuk Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) Encik Aswadi Yusof telah memberikan penerangan kepada para pelajar.

Beliau memulakan pembentangannya dengan berkongsi tentang perkembangan semasa projek.

Aswadi kemudian menerangkan peranan kejuruteraan digital dalam projek Laluan SSP.

Beliau menjelaskan, salah satu cabaran bagi projek infrastruktur mega seperti projek MRT ini adalah kerumitan dalam mereka bentuk stesen. Untuk tujuan ini, teknologi digital perlu digunakan.

Beliau turut menerangkan bahawa projek MRT Laluan SSP menggunakan Pemodelan Maklumat Bangunan (BIM) untuk kerja reka bentuk dan pembinaan.

BIM merupakan proses mencipta dan menguruskan maklumat tentang pembinaan projek merentasi kitaran hayat projek menerusi alam maya. Ia membolehkan pengguna membayangkan, bekerjasama dan menganalisis setiap aspek dalam reka bentuk kejuruteraan.

Laluan SSP juga menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS), alat pemetaan lanjutan yang direka untuk merakam, menyimpan, memanipulasi, menganalisis dan membentangkan semua jenis data geografi. Ia membolehkan data dari semua jabatan disatukan dari segi akses maklumat yang dihasilkan dalam bentuk peta interaktif.

Para pelajar telah dapat mempelajari penggunaan teknologi BIM dan GIS dalam pembinaan Stesen MRT Titiwangsa menerusi sebuah kajian kes yang dibentangkan.

Lawatan itu berakhir dengan makan tengah hari yang disajikan kepada pelajar.

SESI PERKONGSIAN ILMU BERSAMA PROLINTAS



PENGHARGAAN: Amiruddin (kiri) menerima cenderahati dari Azlan (kanan).

SATU sesi perkongsian ilmu telah diadakan oleh Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) dengan Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (PROLINTAS), pemilik konsesi beberapa lebuh raya bertol di Lembah Klang.

Tujuan sesi ini diadakan adalah untuk memahami dengan lebih lanjut peranan dan fungsi MRT Corp.

Sebuah syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PUNB), PROLINTAS adalah pengendali Lebuh Raya Guthrie dan Lebuh Raya Kajang SILK.

PROLINTAS juga sedang membina Lebuh Raya Damansara-Shah Alam (DASH).

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PROLINTAS Dato' Mohammad Azlan Abdullah telah mengetuai delegasi seramai 33 orang dan disambut oleh Pengarah Projek MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) Dato' Amiruddin Ma'aris. Sebaik sahaja tiba, Amiruddin memberikan pengenalan umum tentang Projek MRT Lembah Klang.

Ini diikuti dengan taklimat tentang keselamatan oleh Pengarah Piawaian dan Pematuhan MRT Corp Encik Mohd Yusof Kasiron, dan penyampaian tentang komunikasi strategik dan perhubungan pihak berkepentingan oleh Pengurus Komunikasi Strategik dan Perhubungan Pihak Berkepentingan MRT Corp Encik Wallace Soh Chun Wei.

Taklimat terakhir adalah berkaitan pengurusan kontrak oleh Timbalan Pengurus Besar Pengurusan Kontrak MRT Corp Encik Hasnul Hashimi dan Encik Lau Pui Weng.

Sesi perkongsian ilmu ini diakhiri dengan penyampaian cenderahati dan seterusnya makan tengahari.



GRADUAN MYEP II MENERIMA KONTRAK MRT LALUAN SSP

KEJAYAAN Program Usahawan Muda MRT kedua (MYEP II) terbukti apabila lima pakej kerja subkontrak dianugerahkan kepada lima syarikat Bumiputera yang telah ditubuhkan di bawah program tersebut.

Lima syarikat telah dipilih melalui sesi undian yang telah diadakan di Kementerian Kerja Raya pada 3 April 2018. Sesi itu disaksikan oleh mantan Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah Yusof.

> "PROGRAM BERSEPADU 12-BULAN YANG TERDIRI DARIPADA SESI LATIHAN PROFESIONAL INDUSTRI PEMBINAAN INTENSIF ENAM BULAN"

Program MYEP II merupakan program bersepadu 12-bulan yang terdiri daripada sesi latihan profesional industri pembinaan intensif enam bulan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), kursus tiga bulan latihan pengurusan dan motivasi oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan latihan amali tiga bulan di tapak pembinaan di bawah pengelolaan MMC-Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd, Rakan Pelaksana Projek bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP).


Pada akhir program, seramai 54 peserta telah lulus dan membentuk 24 buah syarikat, serta memperolehi lesen CIDB Gred G2.

Nilai keseluruhan lima subkontrak yang telah dianugerahkan ialah RM1.9 juta.

Selain daripada lima subkontrak itu, sebanyak 28 subkontrak lain dengan nilai keseluruhan RM13.62 juta juga telah diperuntukkan untuk kontraktor Bumiputera Laluan SSP.



UCAPAN PEMBUKAAN: Fadillah memberi ucapan pembukaan semasa sesi undian.



PROSES: Pengurus Besar Pentadbiran dan Perhubungan Bumiputera MRT Corp Encik Zarif Zainul memberi penjelasan tentang proses cabutan undian.



TERUKIR SENYUMAN: Fadillah bergambar bersama para graduan MYEP II.



DI DEPOH: Tarenjit (tiga dari kanan) menunjukkan kemudahan Depoh MRT kepada para pelawat.

DELEGASI TRX CITY MELAWAT DEPOH MRT

SATU delegasi seramai sembilan orang dari Tun Razak Exchange (TRX) City Sdn Bhd telah melawat Depoh MRT Sungai Buloh untuk memahami dengan lebih lanjut konsep dan reka bentuk kemudahan MRT serta peranannya dalam pemantauan perkhidmatan MRT.

TRX City ialah pemaju induk Tun Razak Exchange, daerah kewangan Malaysia yang bakal dimajukan.

Ketua Bahagian Tempoh Kecacatan Liabiliti MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) Mass Rapid Transit Sdn Bhd (MRT Corp) Encik Tarenjit Singh Khella telah mengetuai lawatan yang berlangsung pada 13 April 2018. Beliau diiringi oleh Ketua Pegawai Operasi Pengendali MRT Laluan SBK Rapid Rail Sdn Bhd (Rapid Rail) Encik Azmi Mohd Zain.

Dalam lawatan tersebut, Tarenjit telah menerangkan tentang susun atur depoh dan bagaimana ianya dapat menampung kedua-dua jajaran MRT, Laluan SBK dan juga MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) yang akan datang.

Beliau berkata, Depoh Sungai Buloh adalah salah satu daripada dua depoh tren bagi Laluan SBK. Satu lagi depoh tren terletak di bahagian selatan laluan di Kajang.

Penyelenggaraan ringan dijalankan di depoh tersebut.

Selepas itu delegasi tersebut telah melawat dek pemerhatian di Pusat Kawalan Operasi (OCC) di mana mereka dapat menyaksikan pergerakan tren dalam masa nyata.

Azmi menjelaskan bahawa data dari pintu tiket automatik juga boleh didapati dari setiap stesen. Ini membolehkan Rapid Rail memantau bilangan pengguna dan mengumpulkan maklumat tentang stesen-stesen yang sibuk.

Lawatan itu berakhir dengan tinjauan di Pejabat Penyelenggaraan Tren dan kawasan penyimpanan tren. Di sini, tren diselenggara selepas berakhirnya operasi harian dan diuji sebelum operasi seterusnya bermula.

MCMC MEMERIKSA STESEN MRT BAWAH TANAH DAN TEROWONG



SURUHANJAYA Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah mengadakan pemeriksaan bahagian bawah tanah MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) untuk memastikan sambungan liputan mudah alih mematuhi piawaian.

Diketuai oleh Ketua Pegawai Sektor Ekosistem Komunikasi dan Digital MCMC Dato' Ali Hanafiah, pasukan ini telah menguji sambungan liputan mudah alih untuk kesemua operator utama telekomunikasi seperti Maxis, Celcom, Digi, U Mobile, Yes Network dan WEBE.

Pemeriksaan ini yang dijalankan pada 26 April 2018, melibatkan kesemua stesen bawah tanah dan terowong.

MCMC mengatakan bahawa keputusan pemeriksaan amat memuaskan dengan liputan 3G dan 4G pada tahap tertinggi keseluruhannya. Teknologi yang digunakan untuk Sistem Telekomunikasi Mudah Alih Komersial (CMTS) bersepadu dengan Pusat Unit Pengurusan Data (CDMU), Dupleks Bahagian Frekuensi (FDD) dan Teknologi Pembangunan Berteraskan-Ujian (TDD) adalah di platform yang sama.

Ketua Bahagian Tempoh Kecacatan Liabiliti MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) Mass Rapid Transit Sdn Bhd (MRT Corp) Encik Tarenjit Singh Khella telah mengiringi mereka dari Stesen MRT Cochrane ke Stesen MRT Merdeka dan kemudiannya Stesen MRT Muzium Negara. Beliau dibantu oleh Pengurus Projek Komunikasi MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) Mass Rapid Transit Sdn Bhd (MRT Corp) Encik Mohammad Shazleigh Omar.

Shazleigh menerangkan bahawa komponen CMTS seperti kabel, antena dan peralatan aktif disepadukan untuk memastikan liputan yang lancar dan prestasi yang tertinggi.

Beliau turut menerangkan bahawa sistem menggunakan dua kabel sepaksi di dalam terowong bagi memastikan liputan penuh dan pada tahap optimum untuk penumpang di dalam keretapi.

Di Stesen MRT Muzium Negara, liputan wifi telah diuji. Ali mengatakan bahawa beliau agak teruja dengan kelajuan wi-fi dan percaya bahawa kemudahan ini akan disukai ramai. Ujian seterusnya dilakukan di dua tren yang dipilih.

Lawatan diakhiri dengan perjalanan tren ke bahagian bertingkat Stesen MRT Phileo Damansara sebelum kembali ke Stesen MRT Cochrane.



MEMPERKENALKAN PROJEK MRT KEPADA BAKAL PENGGUNA

BERIKUTAN kejayaan dua Hari Ceria lalu yang berlangsung pada tahun 2017, Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah menganjurkan dua lagi acara sepertinya dalam tempoh enam tahun pertama 2018.

Pada 30 April 2018, 28 kanak-kanak daripada Yayasan Chow Kit (YCK) telah dijemput ke Pusat Informasi MRT Jalan Sultan Azlah Shah (MIC), manakala pada 4 Mei 2018, MIC di Seri Kembangan pula menjadi tuan rumah kepada 22 orang kanak-kanak daripada Al-Baghdadi Playtime Centre.

Objektif utama program ini adalah untuk mendidik golongan muda berkenaan Projek MRT dan kepentingan pengangkutan awam.

Inisiatif ini merupakan usaha kerjasama antara MRT Corp dan Rakan Pelaksana Projek untuk Laluan MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP), MMC-Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd.

Kedua-dua sekolah ini dipilih untuk menjadi sebahagian daripada program ini kerana ia terletak di sepanjang Laluan SSP.

Aktiviti untuk kanak-kanak ini termasuk mewarna gambar tren yang akan digunakan untuk Laluan SSP dan juga pertandingan gambar susun suai yang menggambarkan stesen MRT.

Para pemenang pertandingan menerima hadiah bernilai RM100, sijil penyertaan dan karya seni mereka dipaparkan dalam bingkai IKEA.

Mengulas tentang program itu, Eksekutif Program YCK Jamil Ishak berkata, "Kanak-kanak YCK menikmati perjalanan mereka ke Pusat Informasi MRT dan teruja untuk menyertai lebih banyak aktiviti. Mereka jarang mempunyai peluang sebegini dengan pihak luar. Kami ingin bekerjasama dengan MRT Corp dalam usaha memperbaiki masa depan kanak-kanak ini."

Kebanyakan kanak-kanak dari YCK adalah dari kalangan keluarga yang kurang berkemampuan ataupun anak yatim.



PEMENANG: Bilal Ahmad (kanan) menerima hadiah selepas diumumkan sebagai pemenang peraduan mewarna daripada Pengurus Komunikasi Strategik dan Perhubungan Pihak Berkepentingan Puan Fizliyana Hilda Fahrurrazi (kiri).

IFTAR BERSAMA PEKERJA MRT DI KUARTERS PEKERJA MRT

MASS Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah mengadakan majlis iftar bersama para pekerja Projek MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP).

Majlis ini berlangsung pada 24 Mei 2018 di Kuarters Pekerja V202 (V202 CLQ) di Sungai Buloh dan dihadiri oleh Pengarah Piawaian dan Pematuhan MRT Corp Encik Mohd Yusof Kasiron dan Pengurus Besar Kuarters Pekerja MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd Kapten (B) Dr Mohd Fuad Omar.

Para pekerja di CLQ tersebut adalah daripada Pakej Kerja V201, V202 dan V203. Kontraktor Pakej Kerja tersebut ialah Sunway Construction Sdn Bhd (V201), Ahmad Zaki Sdn Bhd (V202) dan IJM Corporation Berhad (V203).

Lebih 120 pekerja menghadiri majlis tersebut, di mana mereka bersama-sama menikmati juadah berbuka puasa dengan semangat kekitaan.

Majlis iftar tersebut merupakan salah satu cara untuk MRT Corp dan rakan kongsinya berterima kasih kepada para pekerja yang telah bekerja keras dalam pembinaaan Laluan SSP.



BERJEMAAH: Yusof (kiri) mengimamkan solat Maghrib selepas berbuka puasa.



TERSEDIA: Persiapan iftar di V202 CLQ.



BERSYUKUR: Para pekerja bersama-sama membaca doa sebelum berbuka puasa.



MENIKMATI: Para pekerja menikmati juadah berbuka.



PENUMPUAN KEPADA PENCEGAHAN INSIDEN

PERSIDANGAN Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) Lembah Klang tahun ini yang diadakan di Pusat Latihan KVMRT, Sungai Buloh pada 17 dan 18 April 2018 adalah bertemakan 'Pencegahan Insiden'.

Persidangan tahunan ini diadakan sempena Hari Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja Sedunia 2018.

Persidangan tersebut dilancarkan oleh Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Ir Kormain Mohd Noor.

Para peserta persidangan termasuklah warga kerja Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), DOSH, Jabatan Alam Sekitar (DOE), kakitangan Kontraktor Pakej Kerja (WPC) untuk MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) dan kakitangan MMC-Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd, Rakan Pelaksana Projek untuk Laluan SSP.

Memulakan persidangan tersebut, Encik Muzakkir Ab Lafit dari Suruhanjaya Tenaga Malaysia telah memberi taklimat tentang Keselamatan Elektrik.

Ini diikuti dengan pembentangan oleh Pengarah Bahagian Pembinaan Bangunan DOSH Encik Nazruddin Mat Ali tentang kemalangan kren di dalam projek menara dunia.

Salah satu topik yang paling menarik ialah 'Tekanan di Tempat Kerja' yang disampaikan oleh Pengurus Jabatan Perubatan dan Pemulihan Organisasi Penyakit Pekerjaan Organisasi Pertubuhan Keselamatan Sosial Dr Edrin Nazri Abdul Rasib.

Pada hari kedua persidangan, Pengurus Kualiti dan Keselamatan CIDB Puan Mazurah Ismail memberikan taklimat tentang Sistem Penilaian Keselamatan dan Kesihatan dalam Pembinaan (SHASSIC). Sistem penilaian ini adalah piawaian biasa bagi keselamatan dan kesihatan bagi kontraktor dalam industri pembinaan.

Peserta persidangan itu kemudiannya diuji dengan pengetahuan SHASSIC mereka.

Upacara penyampaian hadiah untuk pelbagai pertandingan yang diadakan beberapa hari sebelum Hari OSH juga telah diadakan semasa persidangan. Beberapa pertandingan untuk kakitangan MRT Corp dan juga para kakitangan PDP dan WPC telah diadakan. Tujuan pertandingan ini adalah untuk mempertingkatkan lagi kesedaran berkenaan komponen keselamatan projek.

"PERTANDINGAN UNTUK KAKITANGAN MRT CORP DAN JUGA PARA KAKITANGAN PDP DAN WPC TELAH DIADAKAN"

KEMAJUAN PROJEK

MRT LALUAN SUNGAI BULOH-SERDANG-PUTRAJAYA



PETUNJUK

LALUAN BERTINGKAT

LALUAN BAWAH TANAH

TEMPAT LETAK KERETA


STESEN PERTUKARAN DENGAN RAPID KL

STESEN PERTUKARAN DENGAN KLIA TRANSIT

STESEN PERTUKARAN DENGAN KTM KOMUTER

HSR

STESEN PERTUKARAN DENGAN KERETAPI BERKELAJUAN TINGGI KUALA LUMPUR-SINGAPURA

1

Pembinaan tiang di hadapan IGB International School Sungai Buloh.

2

Pembinaan rasuk sesilang tiang Stesen MRT Damansara Damai.

3

Gantri pelancar untuk pelancaran galang kekotak bersegmen yang dilancarkan di Bangunan Pameran Muhibbah di Prima Damansara.

4

Pembinaan tukup cerucuk di tapak Stesen MRT Sri Damansara Barat di Bandar Sri Damansara.

5

Persediaan pembinaan papak lantai di tapak Stesen MRT Sri Damansara Timur di Bandar Sri Damansara.

6

Pembinaan tiang di tapak Stesen MRT Kepong Sentral di Kepong.

7

Pelancaran galang kekotak bersegmen di tapak Stesen MRT Metro Prima di Kepong.

8

Pemandangan jejambat yang telah siap di tapak Stesen MRT Kepong Baru di Kepong.

9

Kerja-kerja pembinaan di tapak Stesen MRT Jinjang di Jinjang.

10

Kerja-kerja pembinaan di tapak Stesen MRT Sri Delima di Jinjang.

11


Pembinaan tiang dan ujian beban sedang dijalankan di tapak Stesen MRT Kampung Batu.


12

Tupang yang menyokong tembok diafragma kotak Stesen MRT Sentul Barat.

13

Kerja tetulang keluli di tapak Stesen MRT Titiwangsa.

14

Pembinaan tembok diafgrama di tapak Stesen MRT Hospital Kuala Lumpur.

15

Kerja tetulang keluli di tapak Stesen Kampung Baru Utara.

16

Kerja-kerja pembinaan di tapak Stesen MRT Ampang Park.

17

Pandangan kerja-kerja pembinaan di tapak Stesen MRT KLCC Timur.

18

Kren gantri di atas kekotak Stesen Conlay.

19

Jangkar tanah dan kerja pengukuhan batu di tapak Stesen MRT Chan Sow Lin.

20

Pandangan mesin pengorek terowong di dalam syaf pelancaran Bandar Malaysia Utara yang akan digunakan sebagai stesen.

21

Pembinaan tukup cerucuk di tapak Stesen Kuchai Lama.

22

Ujian cerucuk gerek sedang dijalankan di tapak Stesen Taman Naga Emas.

23

Galang kekotak bersegmen sedang dipasang menggunakan kaedah rerangka di tapak Stesen Serdang Raya Utara di Seri Kembangan.

24

Pembinaan gerbang bebo di Depoh Serdang.

25

Gantri pelancar didirikan untuk pelancaran galang kekotak bersegmen di tapak Stesen Equine Park di Seri Kembangan.

26

Pembinaan tiang di tapak Stesen Taman Putra Permai di Sri Kembangan.

27

Pembinaan tiang di tapak Stesen 16 Sierra di Puchong.

28

Pembinaan tiang di tapak Stesen Cyberjaya Utara di Cyberjaya

29

Pembinaan rasuk sesilang tiang di Stesen Pusat Bandar Cyberjaya di Cyberjaya.

30

Tiang yang siap di tapak Stesen MRT Putrajaya Sentral.



SEMINAR JKR TENTANG PROJEK MRT LEMBAH KLANG

SEMINAR dua-hari Perkongsian Ilmu: Projek MRT Lembah Klang yang telah diadakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) terbukti sebagai satu platform yang bermanfaat untuk berkongsi pengalaman yang telah diperolehi daripada pembangunan projek infrastruktur terbesar Malaysia.

Berlangsung di Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR di Simpang Ampat, Alor Gajah, Melaka, 10 orang penceramah dari MRT Corp telah membentangkan kertas mengenai pelbagai aspek berkaitan pembangunan MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) yang telah disiapkan dan juga MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) yang sedang dalam pembinaan.

Majlis ini dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Dato' Sri Zohari Akob. Panel jurucakap terdiri daripada Pengarah Projek Laluan SSP Dato' Amiruddin Ma'aris, Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Pihak Berkepentingan Dato' Najmuddin Abdullah, mantan Pengarah Piawaian dan Pematuhan Tuan Syed Mahdhar Syed Hussain, Ketua Bahagian Tempoh Liabiliti Kecacatan MRT Laluan SBK Encik Tarenjit Singh Khella, Ketua Bahagian Perolehan Sr Hasnul Alfian Harun dan Pengurus Besar Pengurusan Kontrak Sr Azita Mohamed Tahir.

Para penceramah menghuraikan pelbagai topik, dari aspek teknikal dan juga bukan-teknikal projek ini.

Selepas setiap taklimat, sesi soal jawab dibuka kepada para hadirin dan mereka menggunakan sepenuhnya peluang untuk mengetahui dengan lebih lanjut pelbagai aspek berkenaan Projek MRT.

MRT Corp turut meletakkan Trak Informasi MRT (MIT) di lokasi seminar sepanjang dua-hari acara itu diadakan.

Lebih 400 orang peserta telah menghadiri seminar ini dan kebanyakannya terdiri daripada warga kerja JKR dari seluruh negara.



INFORMASI: Azita menyampaikan informasi tentang Projek MRT.



PARA PENCERAMAH: Gambar bersama beberapa penceramah dari MRT Corp (dari kiri); Hasnul, Azita, Najmuddin, Timbalan Pengurus Besar Pembangunan Kawalan Bangunan Ir Muhamad Zulqarnain Ismail dan Pengurus Kanan Perancangan dan Reka Bentuk Encik Ahmad Aswadi Yusof.



KEHADIRAN PENUH: Pandangan para hadirin semasa seminar dijalankan.

PERISTIWA



KUNJUNGAN HORMAT: Duta Integriti MRT Corp melawat Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Putrajaya pada 25 Januari 2018.



INFORMASI: MRT Corp menyertai program Suruhanjaya Syarikat Malaysia #JOMPIKNIK SSM yang diadakan di Taman Tasik Titiwangsa pada 10 Februari 2018.



BERKONGSI MAKLUMAT: MRT Corp menerangkan tentang Projek MRT di 'Taklimat Pelabur Tentang Program DanaInfra dan Kemajuan Projek yang Dimandatkan' pada 14 Mac 2018.



PEMBERIAN IKHLAS: IJM Corporation Berhad, Kontraktor Pakej Kerja untuk Pakej V203 MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) menganjurkan kempen derma darah untuk para pekerja asing pada 27 Mac 2018.




PERSIDANGAN RANGKAIAN BEKALAN: MRT Corp mengambil bahagian dalam Persidangan Rangkaian Bekalan Kebangsaan Projek Rel dan Pameran Kerjaya di Pusat Dagangan Dunia Putra pada 11-12 April 2018.



TERPILIH: Sesi cabutan undi kontraktor Bumiputera MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) ke-10 telah diadakan pada 7 Jun 2018.

PETA TRANSIT
RAIL LEMBAH KLANG



Petunjuk

1 KTM Laluan Seremban	5 LRT Laluan Kelana Jaya	9 MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang	Stesen Sambungan	Terminal Lapangan Terbang
2 KTM Laluan Port Klang	6 ERL Laluan KLIA Ekspres	10 KTM Laluan Skypark	Stesen Pertukaran	P Medan Kereta
3 LRT Laluan Ampang	7 ERL Laluan KLIA Transit	11 LRT Laluan Bandar Utama-Klang	Terminal Rel	
4 LRT Laluan Sri Petaling	8 Laluan KL Monorail	12 MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya	Stesen Bas Antarabandar	

* Apabila mula beroperasi pada 2021, MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) akan bermula dari Stesen Kwasa Damansara. Ini menjadikan jumlah bilangan stesen Laluan SSP kepada 38 buah stesen termasuk Stesen Kwasa Damansara, Stesen Kampung Selamat dan Stesen Sungai Buloh yg telah dibina di bawah MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK). Jadi, Laluan SBK juga akan bermula dari Stesen Kwasa Damansara. Ini akan mengurangkan bilangan stesen Laluan SBK dari 31 kepada 29 buah stesen.